

08 DEC 2001

Mahathir-Tabung Haji (Bergambar)

PM ARAH TABUNG HAJI BUAT KEPUTUSAN DENGAN LEBIH PROFESIONAL

PUTRAJAYA, 8 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan Lembaga Tabung Haji supaya membuat setiap keputusan dengan lebih profesional bagi memantapkan lagi pengurusan lembaga itu.

Dr Mahathir juga mahu lembaga itu menggunakan khidmat kakitangan yang profesional agar dapat mengembalikan semula keyakinan masyarakat terhadap pengurusan simpanan dan pelaburan dengan Tabung Haji.

Arahan itu disampaikan Perdana Menteri kepada Pengerusi Tabung Haji Tan Sri Zainol Mahmood semasa beliau menyerahkan buku akaun simpanan Tabung Haji kepada Dr Mahathir di Jabatan Perdana Menteri di sini.

Bercakap kepada pemberita selepas perjumpaan tertutup selama kira-kira sejam dengan Perdana Menteri di sini, Zainol berkata Dr Mahathir turut menyarankan agar sebarang keputusan tidak diputuskan oleh seorang pegawai tetapi oleh jawatankuasa yang meneliti dengan mendalam sesuatu perkara.

"(Perdana Menteri arah) supaya semua keputusan ialah berlandaskan fakta-fakta yang tepat, yang betul, yang terkini dan membuat mengikut peraturan-peraturan," katanya.

Selain itu, katanya Dr Mahathir juga meminta Tabung Haji menjaga jemaah haji dengan baik dan memastikan keselamatan mereka ekoran keadaan tidak begitu baik di luar negara.

"PM juga hendak kita (Tabung Haji) mengalakkan jemaah haji jangan belanja terlalu banyak di luar negeri. Yang Amat Berhormat rasa kita tak patut belanja dengan banyak di luar negeri sebab barang boleh dapat di sini," katanya.

Tahun lepas sahaja, katanya, sebanyak RM79 juta mengalir keluar ke luar negara apabila jemaah haji berbelanja.

Terdahulu, pada perjumpaan dengan Zainol, Perdana Menteri menerima buku akaun simpanan beliau di mana wang simpanannya dimasukkan setiap bulan melalui potongan gaji.

"Kita dah lancar buku simpanan sejak Mei 2000 tapi kurang sambutan, jadi kami berharap dengan teladan daripada PM, pendeposit akan menyimpan dengan Tabung Haji menggunakan buku kerana ia lebih selamat," katanya.

Menurut Zainol pendeposit akan dimestikan menggunakan buku simpanan bagi urusan pengeluaran wang berkuatkuasa tahun hadapan.

Tabung Haji mempunyai 4.3 bilion pendeposit dengan hanya 1.74 juta daripadanya menggunakan buku simpanan.

-- BERNAMA

ZAI HS NAK